

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SPP201 - Pengantar Pentadbiran Awam

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Anda MESTI menjawab SATU soalan daripada setiap Bahagian.

BAHAGIAN A

1. Mengapakah penilaian prestasi dalam pentadbiran awam itu sukar dan seringkali boleh dipertikaikan? Adakah anda bersetuju dengan cara yang berikut untuk menilai prestasi pentadbir-pentadbir awam: "Prestasi mereka itu memuaskan selagi ianya tidak dipersoalkan"?

[100 markah]

2. Seorang pentadbir awam seringkali dikehendaki mengutamakan "kepentingan awam" dalam membuat keputusannya. Tetapi jikalau konsep kepentingan awam itu dikaji dengan terperinci, akan didapati bahawa ianya tidak mempunyai makna yang jelas; oleh itu ianya tidak dapat memberi seorang pentadbir sebarang panduan pun. Adakah anda bersetuju dengan pandangan ini?

[100 markah]

BAHAGIAN B

3. Adakah anda bersetuju bahawa pengurusan dalam sektor awam bukan sahaja berbeza tetapi juga lebih susah berbanding dengan pengurusan dalam sektor swasta?

[100 markah]

...2/-

4. Bentangkan dan pertahankan apa yang anda anggap sebagai satu stail atau pendekatan pembentukan-keputusan yang sesuai untuk digunakan oleh seorang pentadbir awam.

[100 markah]

BAHAGIAN C

5. Adakah menjadi kepercayaan umum bahawa pentadbir awam kanan mempunyai pengaruh yang kuat ke atas dasar awam di Malaysia. Adakah sebab-sebab untuk pengaruh itu?

[100 markah]

6. Milton Esman berpendapat bahawa sebuah "negara pentadbiran" adalah sesuai untuk Malaysia. Beliau juga berpendapat bahawa pentadbir awam kanan merupakan golongan yang paling sesuai untuk mengurus konflik antara kaum di Malaysia. Adakah anda bersetuju dengan pandangan beliau?

[100 markah]